

Media Title : Kosmo
Headline : Pegawai 'BNM' palsu 'sapu' RM1.12 juta simpanan warga emas
Date : 20 July 2026
Section : Negara!
Page : 5



Pegawai 'BNM' palsu 'sapu' RM1.12 juta simpanan warga emas

JOHOR BAHRU – Seorang warga emas berputih mata apabila wang simpanannya berjumlah lebih RM1.12 juta lesap selepas terjerat dengan helah licik sindiket penipuan telefon yang menyamar sebagai pegawai pendakwa raya dan pegawai Bank Negara Malaysia (BNM).

Mangsa lelaki tempatan berusia 63 tahun yang bekerja sendiri itu hanya menyedari dirinya

ditipu selepas hadir membuat semakan di balai polis sebelum tampil membuat laporan.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Azrul Hisham Mohd. Shaffei berkata, kejadian bermula apabila mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang wanita pada 4 Mac lalu.

Menurutnya, wanita itu memperkenalkan diri sebagai pegawai

pendakwa raya dan mendakwa mangsa terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram.

"Panggilan itu kemudian disambungkan kepada beberapa individu lain yang mendakwa sebagai pegawai BNM.

"Mangsa yang panik dipercayai dipengaruhi suspek sehingga bersetuju membuka akaun bank khas kononnya bagi membantu siasatan dijalankan," ka-

tanya dalam kenyataan semalam.

Ujarnya, suspek seterusnya mengarahkan mangsa memindahkan wang simpanan ke akaun yang diberi atas alasan proses pengesahan dan siasatan.

Menurut beliau, antara Mac hingga Mei lalu, mangsa melakukan sebanyak 51 transaksi pemindahan wang ke beberapa akaun bank berbeza melibatkan jumlah keseluruhan RM1,125,000.

"Mangsa turut diminta membuat beberapa bayaran tambahan yang didakwa bagi tujuan siasatan, jaminan mahkamah dan pemprosesan dokumen.

"Hanya selepas membuat semakan dengan pihak polis, mangsa menyedari dirinya telah menjadi mangsa penipuan," katanya.

Beliau berkata, kes kini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.